

BAB LIMA

KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan rumusan hasil analisis pengkaji tentang pandangan Winstedt terhadap undang-undang Islam di Tanah Melayu. Di awal pengenalan sehingga kepada analisis pandangan, pengkaji mendapati terdapat ketidaktelusan dan kurang kefahaman Winstedt ke atas kajian yang dilakukan. Setiap pandangan Winstedt didasari sudut pandangan negatif ke atas undang-undang Islam.

5.1 PENILAIAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan pendekatan kajian orientalis dalam bab dua dan penggunaan pendekatan mengkaji elemen khusus pemikiran Winstedt, pengkaji mendapati Winstedt menilai masyarakat Melayu berdasarkan sudut pandangan berunsurkan skeptikal sehingga hampir semua penulisannya mengenai masyarakat Melayu menggunakan sudut pertimbangan yang berat sebelah dan serba menyimpang dari sejarah tamadun Melayu itu sendiri. Misalnya, beliau melabelkan masyarakat Melayu sebagai bangsa yang lemah dari segenap segi seperti ketinggalan dalam aspek kemajuan dan pemodenan disebabkan berpegang kepada agama Islam. Winstedt dilihat gagal dalam memahami masyarakat Melayu disebabkan latar belakang pemikiran yang berpusatkan Eropah iaitu *Euro-centrism*. Sudut pemikiran ini mengangkat bangsa Eropah sebagai bangsa yang hebat dan bertamadun. Ketamadunan mereka lebih tinggi dari bangsa yang tinggal di Asia merangkumi Timur Tengah dan juga

di Tanah Melayu. Dalam soal ini, untuk memperbaiki kelemahan tamadun masyarakat Melayu, pihak British dianggap sebagai “*ambassador of civilization*” iaitu penyelamat kepada masyarakat di Alam Melayu. Apabila Winstedt menjadikan pendekatan *Euro-Centrism* sebagai kayu pengukur untuk mengkaji sejarah Tanah Melayu, ternyata beliau belum lagi memahami sepenuhnya berkenaan masyarakat Melayu, malah berat sebelah dalam mentafsirkan persoalan berkenaan undang-undang Islam di Tanah Melayu.

Hasil analisis ke atas empat rujukan utama Winstedt iaitu *The Malays: A Cultural History*, *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*, *A History of Malaya* dan *Kitab Tawarikh Melayu*, pengkaji mendapati hanya karya *The Malay: A Cultural History* yang banyak membincangkan tentang undang-undang Islam di Tanah Melayu. Ini memperkukuhkan lagi pandangan pengkaji bahawa kepakaran Winstedt lebih kepada bidang sejarah, masyarakat, budaya dan kesusasteraan berbanding dalam undang-undang Islam. Tiga karya yang lain itu turut terdapat perbincangan mengenai perkara yang sama tetapi ia sekadar menyentuh persoalan sejarah kesultanan Melayu yang berpegang dengan undang-undang Islam. Ia tidak menyentuh tentang perbincangan secara khusus terhadap undang-undang Islam.

Karya *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic* dilihat lebih menyentuh tentang aspek perbandingan di antara aspek kepercayaan Hindu dan Islam dalam konteks amalan perubatan dan perkara khurafat seperti perkahwinan. Bagi memperkukuhkan lagi kajian ini, pengkaji juga merujuk karya Winstedt yang lain seperti *A History of Classical Malay Literature*. Dari karya inilah pengkaji menjumpai jawapan yang dicari iaitu perbincangan tentang Undang-Undang 99 Perak yang kandungannya didapati

telah diadaptasi dan disesuaikan dengan keadaan tempatan apabila diterima menjadi undang-undang di Perak sekitar abad ke-17 dan 18.

Winstedt dalam menilai keautoritian undang-undang Islam di Tanah Melayu, menggunakan sudut pandangan berlandaskan akal yang berpaksikan paradigma sekularisme. Ini bersesuaian dengan teori yang dikemukakan di dalam pendekatan kajian orientalisme klasik iaitu teori logikal empirikal positivisme. Ianya merupakan kaedah untuk mendapatkan suatu fakta keilmuan dengan tepat dan betul melalui kaedah penelitian yang cukup sistematik, teliti dan objektif. Tetapi, teori tersebut didasari dengan penggunaan akal sepenuhnya dalam setiap pertimbangan jawapan dan menolak sebarang pandangan yang menggunakan hujah agama terutamanya Islam. Berdasarkan teori ini jugalah Winstedt menolak hujah menerusi mitos kerana beranggapan ianya tidak masuk akal.

Menerusi teori ini, Winstedt telah mengklasifikasikan undang-undang adat di Tanah Melayu kepada dua bahagian iaitu Undang-undang Adat Perpatih dan Undang-undang Adat Temenggong. Pandangan tersebut pada sudut penilaian pengkaji adalah satu helah untuk mengubah sudut pemahaman masyarakat Melayu berkenaan persoalan hukum merangkumi perkahwinan, jenayah, harta pewarisan, muamalat dan sebagainya. Dari sudut positif, kedatangan mereka telah merubah struktur pemodenan di Tanah Melayu, tapi negatifnya beliau telah melabelkan undang-undang Islam sebagai ketinggalan zaman, kejam dan tidak sesuai dengan corak budaya yang terdapat di Tanah Melayu. Winstedt juga mengatakan undang-undang Islam sebagai statik kerana menerima metodologi penghukuman Islam melalui wahyu. Justeru, sebarang undang-undang Islam yang bersumberkan wahyu tidak diterima.

Hasil analisis, pengkaji mendapati Winstedt mempunyai sudut penilaian yang berbeza kerana berpegang kuat dengan teori penggunaan akal. Beliau beranggapan Undang-undang Adat Temenggong merupakan dua campuran pengaruh Islam dan Hindu yang jelas terdapat proses “diperadatkan” di dalamnya. Pengkaji di dalam karya Winstedt iaitu *The Malays: A Cultural History* mendapati beliau membandingkan Undang-undang Adat Temenggong dengan Undang-undang 99 Perak, di mana walaupun ia dihasilkan dan dibawa oleh golongan Sayyid dari Hadramaut, jelas pada beliau terdapat persamaan sumber di mana ia datang dan bagaimana ia dilaksanakan. Jenis hukuman yang dikenakan ke atas pesalah jelas tidak menggambarkan sepenuhnya perundangan Islam yang tulen. Jenis hukuman tersebut ditukar ke konsep denda berbentuk wang mahupun emas dan perak. Sesiapa yang mempunyai kemampuan untuk membayar denda tersebut maka dia akan terlepas dari dikenakan hukuman.

Namun, pengkaji menolak pandangan yang diberikan oleh Winstedt terhadap undang-undang Islam di Tanah Melayu. Jelas di dalam pandangan tersebut mempunyai sudut penilaian yang berat sebelah. Winstedt pada penilaian pengkaji, menganggap undang-undang Islam dan adat tidak boleh dipraktikkan dalam satu masa yang sama kerana apa yang dipraktikkan di Timur Tengah tidak sesuai dilaksanakan di Tanah Melayu disebabkan perbezaan budaya dan cara hidup. Sebarang pelaksanaan undang-undang Islam di Tanah Melayu tidak akan memberikan kesan yang besar kerana masyarakat Melayu begitu berpegang kuat dengan adat. Pandangan Winstedt ini jelas menunjukkan kurang kefahaman dan salah tafsiran mengenai undang-undang Islam dan adat. Pada beliau, sekiranya ingin melaksanakan undang-undang Islam, ia perlu diperadatkan bersesuaian dengan budaya dan cara hidup masyarakat Melayu.

Pengkaji membuktikan dalam kaedah pembentukan hukum Islam, adat merupakan sebahagian daripada kaedah penetapan sesuatu hukum. Seperti yang sudah diterangkan pada bab sebelum ini, terdapat beberapa kaedah yang berkaitan dengan adat menjadi asas kepada pembinaan sesuatu hukum. Bagi pengkaji, selagi mana undang-undang adat tidak bertentangan dengan undang-undang Islam ia tidak menjadi masalah untuk menerima dan mengamalkan undang-undang tersebut. Namun begitu, terdapat syarat-syarat yang mesti dipatuhi bagi memastikan undang-undang adat selari dengan tuntutan agama. Sekiranya ia berlawanan dengan syarat tersebut, ia tidak boleh diamalkan.

Selain itu, pengambilkiraan sesuatu adat perlu berasaskan kepada *world-view* masyarakat di Tanah Melayu. Adat masyarakat Melayu tidak boleh dinisbahkan dengan latar belakang masyarakat Timur Tengah kerana ada sesetengah adat yang tidak sesuai untuk diamalkan di Tanah Melayu. Winstedt di dalam karya *The Malays: A Cultural History* menggunakan kandungan Undang-undang 99 Perak yang jelas telah diperadatkan dalam menguatkan hujah-hujahnya. Tindakan tersebut secara tidak langsung telah mengecilkan kekuatan undang-undang Islam dan mengubah persepsi masyarakat terhadap perundangan tersebut.

5.3 PENUTUP

Winstedt jelas menolak pembuktian hujah berdasarkan wahyu kerana ia berasal daripada sumber tidak pasti kebenarannya berbanding akal manusia. Berdasarkan teori logikal empirikal positivisme, beliau mengangkat undang-undang Barat sebagai sebuah perundangan yang tinggi dan mampu mengubah sistem sosial sesuatu masyarakat kepada ketamadunan berbanding undang-undang Islam yang statik dan hanya sesuai diamalkan di

Timur Tengah sahaja. Begitu juga dengan pemikiran yang berkonsepkan *Euro-centrism*, menyebabkan Winstedt beranggapan bangsa Eropah sebagai bangsa yang hebat dan bertamadun berbanding bangsa lain. Sehingga mereka mengangkat diri mereka sebagai “*ambassador of civilization*” iaitu penyelamat kepada bangsa yang perlu ditamadunkan. Justeru, dalam mengkaji undang-undang Islam di Tanah Melayu, para pengkaji perlu memahami dengan baik adat dan budaya masyarakat Melayu agar tidak berlakunya salah faham ketika mengeluarkan sesuatu pandangan.